

BENEFITS OF SERVICE LEARNING FOR UNDERGRADUATE STUDENTS OF EDUCATION, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Siti Manisah Binti Ibrahim*, Zainudin Bin Hassan, Rudy Anak Bayang

^a*Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

*Corresponding author nisha83_wan@yahoo.com.my

Received: 1 June 2020

Received in revised form: 31 November 2020

Accepted: 10 Desember 2020

Published : 15 Desember 2020

ABSTRACT

Service-learning is a pedagogical method that integrates classroom learning with community service and helps improve a student's learning experience. This study aims to identify the benefits of involvement in learning-services to students of Master of Education Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. The methodology of the study is to use qualitative methods using semi-structured interviews with eight respondents using two students and six students based on sampling. Qualitative descriptive data are collected and grouped according to appropriate themes. The findings of the study show that UTM undergraduate students benefit from three main aspects related to academics, civic involvement and personal development involved in the implementation of service-learning programs. Academically, learning-services increase understanding of the subjects taken, interest and improvement of HighLevel Thinking Skills. Overall civics, on the other hand, students are more important, appreciative and their perspectives on themselves and life nearby are also changing. Students can also use important knowledge such as self-importance, teamwork and leadership. Through the findings of this study, the university is expected to provide stronger assistance to efforts in organizing more service-learning programs in the future.

Keywords: *Service-Learning, Academic Achievement, Civic Involvement, Personal Development*

ABSTRAK

Pembelajaran servis (*Service Learning*) merupakan satu kaedah pedagogi yang mengintegrasikan pembelajaran dalam kelas dengan khidmat komuniti serta membantu meningkatkan pengalaman pembelajaran seseorang mahasiswa. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti manfaat penglibatan dalam pembelajaran servis kepada mahasiswa Sarjana Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Metodologi kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu melibatkan temu bual separa berstruktur terhadap lapan orang responden yang terdiri daripada dua mahasiswa dan enam mahasiswi berdasarkan persampelan bertujuan. Bagi mengumpulkan data yang bermakna daripada peserta kajian, temu bual secara mendalam telah dilakukan sebanyak lapan kali sehingga data-data mencapai tahap ketepuan. Seterusnya, dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis tematik untuk membentuk kriteria dan tema bagi menunjukkan mahasiswa sarjana pendidikan UTM mendapat manfaat dalam tiga aspek utama iaitu pencapaian akademik, penglibatan sivik dan pembangunan peribadi apabila terlibat dalam pelaksanaan program pembelajaran servis. Dari segi akademik, pembelajaran servis meningkatkan kefahaman terhadap subjek yang diambil, menimbulkan minat dan meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Secara sivik pula, mahasiswa lebih bertanggungjawab, menghargai dan persektif mereka terhadap diri sendiri serta kehidupan di sekeliling turut berubah. Mahasiswa juga dapat membangunkan kemahiran kemahiran insaniah (*soft-skills*) yang penting seperti keyakinan diri, kerjasama berpasukan dan kepimpinan. Melalui penemuan oleh kajian ini, diharapkan pihak universiti dapat memberikan sokongan yang lebih kuat terhadap usaha dalam penganjuran lebih banyak program pembelajaran servis pada masa akan datang.

Keywords: *Service-Learning, pencapaian akademik, penglibatan sivik, pembangunan peribadi*

© 2020 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN


Pengintegrasian khidmat komuniti dengan kurikulum pendidikan telah mewujudkan satu konsep yang baharu yang dikenali sebagai pembelajaran servis (*Service Learning*). Pembelajaran servis merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mengintegrasikan khidmat komuniti dengan pembelajaran akademik untuk memperkayakan pembelajaran, memupuk nilai tanggungjawab sivik dan mengukuhkan hubungan komuniti (Sessa et al., 2013). Kaedah pembelajaran servis ini telah menjadi salah satu amalan pembelajaran yang telah lama diperkenalkan di Amerika Syarikat, Kanada, Britain dan Australia. Kajian yang dijalankan di negara-negara tersebut juga membuktikan bahawa ianya membawa impak yang positif kepada mereka yang terlibat (Najah Nadiyah Amran & Hamdi bin Ishak 2017), tetapi di Malaysia, pendekatan pembelajaran servis masih lagi bersifat khidmat sosial yang terhad kepada elemen kesukarelawan. Ia masih dalam proses awal diterjemahkan secara menyeluruh dalam kurikulum dan program fakulti secara terancang (Najah Nadiyah Amran & Hamdi bin Ishak 2017).

Melalui pengamalan pembelajaran servis, para penasihat akademik percaya bahawa ia bukan sahaja melahirkan mahasiswa yang mahir dari segi teknikal namun turut membangunkan mahasiswa dari segi pengetahuan, sivik, sosial dan peribadi. Terdapat beberapa kesan positif kesan daripada pelaksanaan program pembelajaran servis. Kesan di sini membawa maksud kebaikan atau sebarang perubahan dalam individu hasil daripada pelaksanaan sebarang aktiviti atau program berbentuk pembelajaran servis. Apabila kandungan akademik dihubungkan dengan penglibatan sivik, pembelajaran servis memberikan impak positif kepada pelajar dari aspek akademik, peribadi dan kewarganegaraan (Conway, Amel dan Gerwien, 2009).

Pembelajaran servis berpotensi sebagai satu strategi untuk meningkatkan penglibatan akademik dan prestasi mahasiswa. Menurut Billig (2004), penyertaan mahasiswa dalam pembelajaran servis yang berkualiti tinggi membawa kepada perubahan seperti peningkatan dalam markah peperiksaan, kedatangan, kemahiran menyelesaikan masalah serta kemahiran lain berkaitan dengan pengetahuan seperti matematik, sains, dan pengajian sosial. Sebagai satu pendekatan pedagogi, pembelajaran servis dianggap ‘amalan pengajaran dan pembelajaran yang berimpak tinggi’ kerana keupayaannya dalam memberi impak terhadap kejayaan mahasiswa di kolej dan universiti (Kamucho, 2006).

Menjadi cabaran kepada mahasiswa yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sama ada awam atau swasta untuk mempersiapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran, juga nilai yang diperlukan oleh kehendak pasaran kerjaya agar menjadi graduan yang holistik sesuai dengan kehendak masa hadapan. Kedatangan globalisasi telah membawa transformasi dalam pelbagai lapangan. Perkembangan dalam ilmu pendidikan khususnya dalam bidang pedagogi dan psikologi telah menyebabkan berlakunya satu anjakan paradigma dalam strategi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Santrock (2008).

Walaupun wujud pembelajaran pembelajaran servis dalam kalangan mahasiswa sama ada di peringkat sekolah tinggi dan kolej, ia tidak menjelaskan asas sebenar iaitu memupuk kefahaman dan komitmen tanggungjawab sivik (Skinner dan Chapman, 1999). Penasihat akademik bertindak sebagai pembimbing kepada mahasiswa untuk melihat isu dan nilai masyarakat secara kritis. Ia juga dapat memupuk sikap saling menghormati antara mahasiswa dengan komuniti (Boyle-Baise dan Langford, 2004). Ini akan mewujudkan nilai bertoleransi antara sesama mahasiswa dan antara mahasiswa dengan ahli komuniti.



(Adaptasi daripada Ash dan Clayton, 2009)

Rajah 1: Kerangka Konsep Hasil Pembelajaran *Service-Learning*

Manfaat pembelajaran servis Daripada Aspek Pencapaian Akademik

Kebanyakan penasihat akademik menggunakan pembelajaran servis untuk membantu para mahasiswa mereka mendalami kandungan kursus atau perspektif bidang tertentu dengan lebih efektif, di samping mempelajari tentang kewarganegaraan dan diri mereka sendiri sebagai individu (Ash dan Clayton, 2009). Dalam erti kata lain, pembelajaran servis membantu mahasiswa dalam tiga kategori hasil pembelajaran iaitu peningkatan akademik, pembelajaran sivik dan pembangunan peribadi.

Pembelajaran servis merupakan satu kaedah pedagogi yang meningkatkan tahap penglibatan mahasiswa dalam kelas. Penglibatan dalam pembelajaran servis memainkan peranan yang signifikan dalam pencapaian akademik dan interaksi antara mahasiswa dengan fakulti (Lebeau, 2012). Kursus berbentuk pembelajaran servis mempengaruhi pembelajaran, personal dan sosial mahasiswa. Mereka yang terlibat dengan pembelajaran servis menunjukkan peningkatan dan diversiti dalam kesedaran politik, kesedaran diri dan penglibatan sivik daripada awal sehingga akhir semester. Selain itu, pembelajaran akademik, pembangunan peribadi dan interpersonal serta penglibatan dalam komuniti juga dikenal pasti sebagai manfaat utama apabila mahasiswa melibatkan diri dalam aktiviti berbentuk pembelajaran servis.

Dalam kajian steimel (2013) juga menyatakan para pelajar sangat teruja apabila diberikan peluang dalam mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari di dalam kelas ke dalam konteks dunia sebenar.

Sedlak, Doheny, Panthofer dan Anaya (2003) dalam kajian mereka yang bertajuk *Critical Thinking In Students' Service-Learning Experiences*, mendapati mahasiswa kejururawatan memperoleh dan membangunkan kemahiran pemikiran kritikal melalui penglibatan aktif dalam pembelajaran servis. Manakala menurut kajian yang dijalankan oleh Simons dan Cleary (2006), majoriti mahasiswa kolej menunjukkan peningkatan kefahaman mereka terhadap kandungan kursus dan mendapat *self-knowledge*. Mahasiswa juga berupaya mengaplikasikan konsep dan teori ke dalam dunia sebenar. Kajian juga mendapati pembelajaran servis menyumbang ke arah pembangunan kerjaya mahasiswa dari segi pengalaman sebenar dan peningkatan kompetensi.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti manfaat pembelajaran servis dari segi pencapaian akademik kepada mahasiswa sarjana Sekolah Pendidikan, FSSH, UTM.
- ii. Mengenal pasti manfaat pembelajaran servis dari segi pembangunan sivik kepada pelajar mahasiswa Sekolah Pendidikan, FSSH, UTM
- iii. Mengenal pasti manfaat pembelajaran servis dari segi pembangunan peribadi kepada mahasiswa sarjana Sekolah Pendidikan, FSSH, UTM.

3.0 METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian kes terhadap kumpulan mahasiswa Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM selepas pelaksanaan program pembelajaran servis di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Penggunaan reka bentuk kajian kes ini adalah untuk mengenal pasti sikap, kelakuan ataupun pelaksanaan sesuatu konsep yang dikaji. Menurut Mohamed Najib (2003), penyelidikan jenis ini bertujuan untuk menerangkan fenomena yang berlaku dan dapatan kajian ini ingin memperlihatkan mahasiswa sarjana pendidikan UTM mendapat manfaat dalam tiga aspek utama iaitu pencapaian akademik, penglibatan sivik dan pembangunan peribadi apabila terlibat dalam pelaksanaan program pembelajaran servis. Kaedah ini melibatkan pengumpulan data, membuat taksiran, perbandingan dan membuat kesimpulan secara umum.

Persampelan

Teknik persampelan perlu dilakukan untuk memilih sampel daripada populasi. Menurut Chua (2014) persampelan merupakan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Sampel yang dipilih mestilah merupakan sesuatu yang konkrit dan dapat diukur dengan serta boleh dikira dengan tepat. Azizi Yahaya menyatakan pemilihanteknik persampelan perlu dijalankan dengan betul bagi menjamin sampel yang dipilih tidak terpesong. Menurut Sidek (2002) persampelan tidak akan diperlukan sekiranya

pengkaji menggunakan seluruh individu dalam populasi yang hendak dikaji. Penggunaan keseluruhan populasi akan menyebabkan keputusan yang diperolehi adalah tepat dan tiada ralat persampelan yang berlaku. Dalam kajian ini, penyelidik menentukan beberapa sampel yang dianggap paling representatif untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan fokus kajian. Penentuan sampel dilakukan berdasarkan bidang, pengalaman, dan pemahaman kepada topik kajian. Pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan iaitu seseorang yang memiliki pengetahuan yang cukup dan mampu menjelaskan keadaan sebenar tentang subjek kajian.

Populasi terdiri daripada lapan orang responden kajian yang pernah terlibat dengan program pembelajaran servis sebelum ini. Kaedah persampelan bertujuan ini dipilih untuk mendapatkan maklumat bagi mengenal pasti apakah garis panduan yang sesuai untuk diaplikasi oleh mahasiswa yang terlibat dalam perancangan pembelajaran servis. Pengkaji akan menjalankan prosedur temu bual sehingga pengkaji menemui titik tepu. Titik tepu merujuk kepada maklum balas yang diterima dari responden hampir sama dengan responden yang lain. Menurut Dayang dan Abdul Hafidz (2009) pengkaji akan terus menjalankan temu bual sehingga hasil daripada temu bual tersebut telah mencapai satu titik tepu di mana tidak terdapat lagi maklum balas yang baru yang boleh diberikan responden. Oleh yang demikian sampel untuk kajian kualitatif ini akan dihadkan melalui kaedah ketepuan. Namun pengkaji akan menetapkan ciri-ciri yang diperlukan dari responden, seterusnya dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis tematik.

Lokasi Kajian

Pengkaji akan menjalankan kajian di sekolah pendidikan UTM, Johor dan kajian hanya melibatkan mahasiswa yang menuntut di fakulti pendidikan berkenaan. Fokus lokasi kajian adalah kepada program-program pembelajaran servis yang dijalankan oleh pihak Universiti Teknologi Malaysia sekitar daerah-daerah seperti Johor Bahru, Pasir Gudang, Kulai dan Pontian, Johor. Antara alasan kenapa lokasi ini dijadikan rujukan adalah mengikut kajian literatur penyelidik mendapati kekerapan mahasiswa sarjana pendidikan banyak mengadakan program pembelajaran servis di sana dan juga sebahagian besar mahasiswa ini menetap atau bekerja di daerah tersebut.

Metodologi kajian

Dalam kajian ini, Pengkaji akan menggunakan instrumen temu bual bagi mendapatkan data yang dikehendaki. Instrumen temu bual sering menjadi instrumen kajian kualitatif bagi memperolehi maklumat yang khusus daripada responden. Temu bual didefinisikan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpulkan data kajian. Temu bual melibatkan pertemuan antara penemu bual dan responden. Kaedah temu bual dilakukan secara lisan dan jawapan responden direkod secara bertulis, melalui perakam suara dan media elektronik yang lain (Chua Yan Piaw, 2014). Kajian yang dijalankan akan memberikan fokus kepada mengenal pasti manfaat pembelajaran servis kepada mahasiswa sarjana pendidikan UTM, Skudai, Johor.

Pengkaji akan menggunakan prosedur persampelan bertujuan sebagai kaedah persampelan dalam menjayakan kaedah kualitatif. Chua Yan Piaw (2014) menyatakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden.

Perbincangan

Manfaat *Service-Learning* Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar

Pengalaman menjalankan pembelajaran servis dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dengan memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan konsep yang telah dipelajari di dalam bilik kuliah ke dalam dunia luar, manakala dari segi berfikir pula, ia membawa pelajar ke dalam situasi dunia sebenar dan memerlukan mereka berfikir secara kritikal dan logikal (Prentice dan Robinson, 2010).

Manfaat *Service-Learning* Dari Aspek Kefahaman Dalam Pencapaian Akademik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa para mahasiswa sarjana pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia mendapat manfaat dari aspek kefahaman dalam membantu pencapaian akademik mereka. Berikut ialah beberapa maklum balas daripada responden temu bual yang secara langsung menceritakan bagaimana pengalaman yang diperolehi selepas menjalankan pembelajaran servis membantu mereka memahami tentang topik-topik yang telah disampaikan oleh pensyarah di dalam kuliah. Emmy menyatakan bahawa beliau lebih memahami tentang teori atau topik yang dipelajari selepas menjalankan pembelajaran servis di persekitaran yang sebenar. Hasil temu bual, Emmy menceritakan:

“Kefahaman saya tentang topik-topik yang telah dipelajari semakin bertambah apabila saya terlibat dengan projek pembelajaran servis. Bersama dengan ahli-ahli kumpulan yang lain, kami berupaya mengaplikasikan teori-teori yang dipelajari semasa menjalankan projek pembelajaran servis.” (R1/2/P)

Seterusnya, kenyataan Emmy disokong oleh Govin yang memerihalkan tentang penglibatan beliau dalam pembelajaran servis membantu meningkatkan ilmu pengetahuan dalam diri beliau. Govin memberitahu:

“Pembelajaran Servis ini merupakan sesuatu yang baharu bagi saya kerana sebelum melanjutkan pengajian di peringkat sarjana, saya tidak pernah mendengar tentangnya. Namun apabila berpeluang mengendalikan projek pembelajaran servis pada tahun lepas, saya mendapat satu ilmu yang baharu.”

Manfaat pembelajaran servis Dari Aspek Minat Dalam Pencapaian Akademik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan dalam pembelajaran servis mampu menarik minat para mahasiswa sarjana pendidikan Universiti Teknologi Malaysia untuk lebih mendalami ilmu kurikulum berbentuk pembelajaran servis. Hairi memberitahu bahawa minat telah mendorong beliau untuk terlibat dalam dua projek *service-learning* sepanjang pengajian beliau di UTM. Hairi menceritakan:

*“Mula-mula saya ingatkan projek *service-learning* ini sukar untuk dilaksanakan dan menyusahkan. Namun setelah menjalankannya buat pertama kali di salah sebuah sekolah rendah di Daerah Johor Bahru, minat itu mula. Antara aktiviti yang saya jalankan ialah seperti menanam pokok dan membuat kraftangan daripada bahan kitar semula. Setelah beberapa bulan, saya mula menanam pokok-pokok bunga di halaman rumah saya. Dan kerana minat itu lah saya mengambil satu lagi kursus pada semester berikutnya yang turut memerlukan pelajar untuk menjalankan *service-learning*. Pada projek yang kedua, saya lebih mahir merancang aktiviti-aktiviti yang mantap dan lebih memenuhi keperluan masyarakat setempat.” (R4/4/L)*

Pandangan yang sama turut dikongsi oleh Idzy. Beliau menyatakan:

*“Bahagian perancangan tu sedikit susah, tapi bila melaksanakan aktiviti-aktiviti *service-learning* rasa seronok pula. Kami berasa seronok menjalankan projek tu. Setelah selesai, kami duduk bersama untuk membincangkan dan membuat *post-mortem* terhadap projek yang telah kami jalankan. Kami berpuas hati dengan pencapaian kami kerana apa yang dirancang dapat dijalankan dengan lancar. Kejayaan melaksanakan pembelajaran servis*

Manfaat pembelajaran servis Terhadap Penglibatan Sivik Mahasiswa

Fokus objektif kedua kajian ialah mengenal pasti manfaat pembelajaran servis dalam kalangan mahasiswa sarjana pendidikan Universiti Teknologi Malaysia melalui aspek penglibatan sivik. Penglibatan sivik ialah tindakan seseorang untuk membuat pembaharuan dan meningkatkan kualiti hidup sesebuah komuniti. Ia juga bermaksud penglibatan seseorang individu dalam aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat sosial terhadap komuniti.

Hasil temu bual dengan mahasiswa sarjana pendidikan yang menjadi responden kajian ini, didapati mereka mendapat manfaat dari segi penglibatan sivik setelah menjalankan pembelajaran servis. Analisa data temu bual mendapati antara manfaat yang mahasiswa perolehi ialah dari segi tanggungjawab, menghargai dan perspektif dalam penglibatan sivik.

Manfaat pembelajaran servis Dari Aspek Bertanggungjawab Dalam Penglibatan Sivik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa sarjana pendidikan UTM mendapat manfaat dari aspek bertanggungjawab dalam penglibatan sivik selepas menjalankan pembelajaran servis. Farah berkongsi tentang tanggungjawab sosial yang terbentuk selepas penglibatan beliau dalam pembelajaran servis. Farah menceritakan:

*“Bila buat pembelajaran servis ni baru lah saya sedar bahawa saya menggalas tanggungjawab dalam membuat suatu perubahan terhadap komuniti. Sebagai contoh projek *Green Society* yang kami buat dulu, tugas untuk educate murid-murid sekolah tentang kepentingan menjaga alam sekitar adalah terletak pada kita sebagai pelajar daripada fakulti pendidikan kerana kita dilengkapi dengan ilmu pengetahuan. Saya rasa penglibatan saya dalam komuniti amat diperlukan kerana ada perkara yang saya dan ahli kumpulan yang lain sampaikan kepada murid-murid tersebut adalah merupakan ilmu pengetahuan yang baharu bagi mereka.” (R2/2/P)*

Pandangan yang sama turut dikongsi oleh Liana dan menambah bahawa beliau turut mempengaruhi rakan mahasiswa sarjana pendidikan yang lain untuk mengambil kursus yang memberi peluang kepada mahasiswa untuk melaksanakan pembelajaran servis. Liana berkata:

“Saya memang teringin untuk menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat tetapi tak tahu bagaimana. Jadi pembelajaran servis ni telah menjadi platform untuk saya terlibat dalam pembangunan komuniti. Saya tidak menganggap sumbangan saya adalah kecil kerana bersama ahli kumpulan yang lain, kami mampu memainkan peranan yang besar dalam memberi kebaikan kepada masyarakat. Oleh itu pada semester berikutnya saya

mengajak rakan-rakan saya untuk mengambil kursus yang mengkehendaki pelajar untuk menjalankan projek pembelajaran servis.” (R8/4/P)

Manfaat pembelajaran servis Dari Aspek Menghargai Dalam Penglibatan Sivik

Nilai menghargai timbul apabila mahasiswa sarjana pendidikan UTM melibatkan diri dalam pembelajaran servis. Berikut adalah beberapa maklum balas daripada responden temu bual yang menggambarkan wujudnya nilai menghargai dalam manfaat penglibatan sivik mahasiswa sarjana pendidikan.

Bagi Farah yang merupakan mahasiswa sarjana pendidikan sepenuh masa, beliau lebih memahami tentang isu kemasyarakatan apabila terlibat dalam projek pembelajaran servis. Farah menceritakan:

“Saya bukanlah seorang guru dan belum pernah bekerja sebelum ini. Jadi saya kurang faham dengan masalah yang berlaku dalam komuniti. Namun apabila saya menjalankan service-learning, saya lebih menghargai kehidupan ini. Isu alam sekitar yang diketengahkan oleh kumpulan saya semasa menjalankan pembelajaran servis di salah sebuah sekolah di Daerah Pontian bukan hanya memberi kesedaran kepada murid-murid tetapi turut menyedarkan saya tentang isu alam sekitar kita. Saya mula merasakan betapa pentingnya saya menjaga alam sekitar agar bersih dan tidak tercemar. Sekarang ni saya dah mula menanam pokok hiasan dan pokok bunga di sekitar kawasan rumah saya.” (R2/2/P)

Hairi bersependapat dengan Farah. Hairi memberitahu:

“Saya pernah menjalankan pembelajaran servis di rumah anak yatim. Pengalaman tersebut membuatkan saya lebih menyukuri kehidupan yang dianugerahkan kepada saya. Kesusahan yang dihadapi oleh anak-anak di rumah tersebut memberi motivasi kepada saya untuk menyumbangkan ke arah kebaikan dan kebahagiaan mereka.” (R4/4/L).

Manfaat pembelajaran servis Dari Aspek Perspektif Dalam Penglibatan Sivik

Perubahan perspektif juga dilihat daripada aspek penglibatan sivik dalam manfaat pembelajaran servis dalam kalangan mahasiswa sarjana pendidikan UTM. Berikut ialah beberapa maklum balas daripada responden temu bual yang secara langsung menceritakan bagaimana pengalaman yang diperolehi selepas menjalankan pembelajaran servis telah mengubah perspektif mereka tentang isu-isu sosial yang wujud dalam sesebuah komuniti. Perkara ini dijelaskan oleh Govin. Govin menceritakan:

“Dulu saya tak peka sangat pada alam sekitar ni. Sekarang baru tahu bahawa masalah seperti pencemaran dan pembaziran tenaga adalah sesuatu yang serius. Lepas ni mungkin saya akan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran servis jika diberikan peluang supaya orang lain mendapat kesedaran seperti saya.” (R3/3/L)

Pandangan mengenai perkara yang sama turut diberikan oleh Idzzy. Idzzy menyatakan:

“Pembelajaran Servis telah mengubah perspektif saya tentang kehidupan ini. Isu-isu sosial bukan lah sesuatu yang boleh dipandang remeh lagi. Ia perlu diselesaikan daripada awal lagi. Takkan nak tunggu dah serius baru nak cari jalan penyelesaian. Saya melihat diri saya sekarang ni sebagai seorang yang berpengetahuan dan dilengkapi dengan kemahiran. Oleh itu saya perlu menyebarkan pengetahuan yang ada pada saya kepada komuniti saya.” (R5/4/P)

Kumari pula memberitahu bahawa beliau menganggap sesebuah komuniti sebagai agen perubahan yang penting dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Kumari menjelaskan:

“Sebelum ni tak sedar pun akan kepentingan komuniti ni. But now saya faham bahawa kalau kita nak meningkatkan kualiti hidup masyarakat, kita kena mula daripada komuniti setempat kita. Ajar dan bantu mereka untuk membangun. It might be a small step but the impact later will be bigger.” (R7/2/P).

Manfaat pembelajaran servis Terhadap Pembangunan Peribadi Pelajar

Mengenal pasti manfaat pembelajaran servis terhadap pembangunan peribadi mahasiswa sarjana pendidikan merupakan fokus objektif kajian yang ketiga. Program pembelajaran servis membentuk keyakinan dalam diri mahasiswa, nilai kerjasama berpasukan dan kepimpinan terbentuk apabila mereka melibatkan diri dalam program tersebut.

Hasil temu bual dengan beberapa orang mahasiswa sarjana pendidikan UTM, pengkaji mendapati mahasiswa yang pernah menjalankan pembelajaran servis mendapat manfaat dari pembangunan peribadi. Antara manfaat yang diperolehi oleh mahasiswa ialah daripada aspek keyakinan, kerjasama berpasukan dan kepimpinan. Manfaat-manfaat ini memberi gambaran yang jelas tentang apa yang diperolehi selepas menjalankan pembelajaran servis dalam kalangan mahasiswa sarjana pendidikan.

Manfaat pembelajaran servis Dari Aspek Keyakinan Diri Dalam Pembangunan Peribadi

Pembelajaran servis sebenarnya menerapkan beberapa kemahiran dalam diri mahasiswa yang menjalankannya. Berikut adalah beberapa maklum balas daripada responden temu bual yang secara langsung memberi gambaran jelas

bahawa pembelajaran servis meningkatkan keyakinan diri mahasiswa. Perkara ini dijelaskan oleh Kumari tentang bagaimana perubahan sikap yang dialami oleh beliau. Kumari menceritakan:

“Saya memang seorang yang pemalu. Namun apabila banyak berinteraksi dengan orang luar melalui pembelajaran servis, keyakinan saya bertambah. Daripada peringkat perancangan sehinggalah kepada pelaksanaan, saya telah berinteraksi dengan ramai pihak bagi memastikan kelancaran projek. Sekarang ni saya yakin dengan kemampuan diri untuk berhadapan dengan orang lain.” (R7/2/P)

Idzzy menyokong pendapat Kumari dan menambah beliau kini yakin akan kebolehan diri dalam melaksanakan sesebuah projek yang melibatkan komuniti. Idzzy berkata:

“Pembelajaran Servis ni telah membantu saya supaya tidak gentar atau malu apabila hendak mendapatkan persetujuan daripada pihak komuniti untuk menjalankan projek di tempat mereka. Di samping itu, sekarang ni saya percaya pada kemampuan diri saya untuk menjalankan projek yang melibatkan komuniti setempat. Saya yakin selepas ini saya boleh menganjurkan projek pembelajaran servis sekali lagi kerana saya telah tahu bagaimana hendak menganjurkannya termasuklah prosedur-prosedur yang perlu diikuti dari awal sampai akhir pelaksanaan projek.” (R5/4/P)

Manfaat Service-Learning Dari Aspek Kerjasama Berpasukan Dalam Pembangunan Peribadi

Penglibatan dalam pembelajaran servis menanam semangat kerjasama berpasukan dalam kalangan mahasiswa sarjana pendidikan. Kerjasama berpasukan ialah kerjasama dalam satu kumpulan dalam menjalankan tugas secara berganding bahu.

Manfaat Service-Learning Dari Aspek Kerjasama Berpasukan Dalam Pembangunan Peribadi

Penglibatan dalam pembelajaran servis menanam semangat kerjasama berpasukan dalam kalangan mahasiswa sarjana pendidikan. Kerjasama berpasukan ialah kerjasama dalam satu kumpulan dalam menjalankan tugas secara berganding bahu bagi mencapai matlamat pasukan. Liana menceritakan nilai kerjasama berpasukan yang dipupuk seawal peringkat perancangan projek lagi:

“Sebaik sahaja kumpulan dibentuk, kami berkumpul dalam satu sesi perbincangan. Kami bersama-sama menentukan siapa yang akan memegang jawatan dalam kumpulan. Selepas itu, kami akan sumbangsaran tentang aktiviti-aktiviti yang hendak dijalankan dalam projek pembelajaran servis kami. Memang berlaku perdebatan bila nak memilih aktiviti yang menarik, relevan dan praktikal. Semua ahli berpeluang menyatakan pandangan masing-masing. Kami berbincang sehingga mencapai kata sepakat.” (R8/4/P)

Hairi menyokong pendapat Liana dan mengatakan bahawa selain pemilihan jawatankuasa dan aktiviti-aktiviti, setiap ahli kumpulan bekerjasama menentukan aspek-aspek lain dalam proses perancangan projek. Liana memberitahu:

“Setelah memilih jawatankuasa, kami berbincang untuk menentukan lokasi projek. Saya dan ahli kumpulan yang lain akan bersama-sama melawat ke sekolah yang menjadi lokasi kepada projek kami. Dalam aspek kewangan pula, kami bersama-sama memikirkan bagaimana hendak mendapatkan dana. Alhamdulillah, kami berjaya mendapatkan dana daripada pihak luar hasil kerjasama kumpulan yang tidak segan membentangkan kertas cadangan projek kami.” (R4/4/L)

Bagi Govin, pembelajaran servis banyak mengajar beliau tentang erti bertolak ansur dalam kumpulan. Govin menceritakan:

“Dalam apa sahaja yang kami lakukan, kami akan bergerak bersama-sama agar sesuatu perkara itu dapat dipermudahkan. Tidak dinafikan konflik memang timbul dalam kumpulan kami. Namun kami tidak sampai ke tahap bergaduh atau bermasam muka. Apa yang kami lakukan ialah bertoleransi sesama ahli dan saling menerima pendapat orang lain. Apa yang penting ialah kami bekerjasama dalam menyelesaikan sebarang isu atau masalah yang timbul.” (R3/3/L)

Manfaat Service-Learning Dari Aspek Kepimpinan Dalam Pembangunan Peribadi

Pembelajaran Servis banyak membantu mengasah bakat kepimpinan dalam kalangan mahasiswa sarjana pendidikan. Berikut adalah beberapa maklum balas daripada responden temu bual yang menggambarkan manfaat yang diperolehi oleh mahasiswa sarjana dari aspek kepimpinan. Perkara ini diceritakan oleh Farah:

“Semasa pembentukan jawatankuasa kumpulan, saya telah dipilih sebagai ketua kumpulan secara sebulat suara. Mungkin pada masa tu saya yang paling muda dan belum ada pengalaman, kerana itu lah ahli-ahli kumpulan memilih saya. Mulanya saya agak takut dan tiada keyakinan untuk mengetuai projek tersebut. Namun berkat kesungguhan saya dan bimbingan rakan yang lebih senior, saya berjaya mengetuai kumpulan sehingga terlaksananya projek pembelajaran servis kami.” (R2/2/P)

Pengalaman yang sama turut dikongsi oleh Hairi yang dipilih untuk menjadi ketua kumpulannya. Hairi menceritakan: *“Pada mulanya saya agak terkejut apabila dipilih selaku ketua kumpulan kami. Saya rasa mereka*

mempunyai keyakinan terhadap kepimpinan saya walaupun pada masa itu saya sendiri kurang yakin untuk menjadi seorang ketua kerana saya tidak tahu tentang prosedur pelaksanaan sesebuah projek. Tetapi saya berfikir secara positif dan belajar daripada pengalaman rakan-rakan yang pernah terlibat dengan program pembelajaran servis. Alhamdulillah, projek kami berjaya dijalankan.” (R4/4/L)

Liana pula memberitahu bahawa beliau tidak lagi takut untuk menjadi ketua setelah terlibat dalam penganjuran program pembelajaran servis. Liana memberitahu:

“Sekarang ini saya tidak lagi takut atau segan untuk memimpin kumpulan saya apabila diberikan sesuatu tugas hasil daripada penglibatan saya dalam pembelajaran servis. Apabila adanya program di sekolah, kadang-kadang saya menawarkan diri untuk mengepalai sebarang jawatankuasa. Yang penting sebagai seorang ketua, kita mesti menghormati pendapat orang lain dan kemahiran mendengar itu perlu ada.” (R8/4/P)

Bagi Kumari, beliau berpeluang untuk mengasah bakat kepimpinannya apabila terlibat dalam projek pembelajaran servis. Kumari menyatakan:

“Pada masa tu saya bukanlah pengarah projek, namun tak bermakna saya hanya menjadi ahli dan menunggu arahan sahaja. Saya memegang jawatan sebagai ketua fasilitator di mana saya mengetuai rakan-rakan dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti pembelajaran servis yang melibatkan murid-murid sekolah. Di sini saya berperanan sebagai suri teladan kepada rakan yang lain. Memang agak gementar juga bila bercakap dan membuat demonstrasi dihadapan murid, termasuklah pentadbir sekolah dan tetamu VIP. Namun saya perlu menunjukkan contoh kepada ahli-ahli yang lain tentang bagaimana mengendalikan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.” (R7/2/P)

4.0 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

(i) Manfaat pembelajaran servis Terhadap Pencapaian Akademik Mahasiswa

Hasil kajian mendapati mahasiswa yang pernah terlibat dalam pembelajaran servis mendapat manfaat dari segi pencapaian akademik. Antara manfaat yang diperolehi oleh mahasiswa ialah kefahaman, minat dan kemahiran berfikir aras tinggi. Pembelajaran Servis mendekatkan mahasiswa dengan kandungan kursus melalui pengaplikasian teori dan ilmu yang dipelajari dalam kuliah ke dunia sebenar. Ini memberikan suatu pengalaman pembelajaran yang baharu kepada mahasiswa dan kefahaman mereka terhadap kursus yang diambil juga meningkat.

(ii) Manfaat pembelajaran servis Terhadap Penglibatan Sivik Mahasiswa

Pembelajaran servis memberi manfaat dari segi penglibatan sivik pelajar di mana mereka akan lebih terpenggil untuk terlibat dalam aktiviti bagi membuat pembaharuan dan meningkatkan kualiti hidup sesebuah komuniti. Mahasiswa akan lebih menyedari tentang tanggungjawab yang boleh dimainkan oleh mereka dalam pembangunan sesebuah komuniti. Mahasiswa berperanan besar dalam membawa perubahan ke arah kebaikan dalam komuniti.

(iii) Manfaat pembelajaran servis Terhadap Pembangunan Peribadi Mahasiswa

Program pembelajaran servis membentuk nilai keyakinan dalam diri mahasiswa apabila mereka melibatkan diri dalam program tersebut. Mahasiswa sarjana yang terdedah dengan pembelajaran servis akan lebih yakin terhadap diri sendiri untuk berinteraksi dengan pelbagai pihak serta bertambah yakin dengan kemampuan diri dalam melaksanakan projek yang melibatkan komuniti. Di samping itu, pengalaman melaksanakan pembelajaran servis turut membantu meningkatkan kompetensi mahasiswa dalam bidang yang diceburi. Pembelajaran servis juga memupuk nilai kerjasama berpasukan di mana mahasiswa berupaya bekerjasama dalam satu kumpulan dalam menjalankan tugas secara berganding bahu bagi mencapai matlamat pasukan dan dapat mengikis sikap individualistik.

Nilai kepimpinan juga turut membangunkan beberapa kemahiran lain yang diperlukan sebagai seorang pemimpin yang berkesan seperti pengurusan masa, bertolak ansur, kemahiran mendengar, penyelesaian masalah, pengurusan kewangan dan sebagainya.

5.0 IMPLIKASI KAJIAN

Hasil daripada kajian yang dijalankan, beberapa manfaat pembelajaran servis kepada mahasiswa universiti telah dikenal pasti. Ini membawa implikasi yang positif kepada semua golongan yang terlibat dalam proses pendidikan tinggi.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran servis memberi manfaat kepada mahasiswa dalam tiga aspek utama iaitu pencapaian akademik, penglibatan sivik dan pembangunan peribadi. Dalam menghasilkan graduan yang berkualiti, perlu adanya pembangunan mahasiswa yang seimbang dan ini bergantung kepada kapasiti serta keseimbangan pembelajaran (Amir, 2002). Maka mahasiswa sarjana perlu mengambil peluang sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti untuk bergiat aktif dalam program berbentuk pembelajaran servis. Selain meningkatkan tahap akademik mereka dan kesedaran sivik, mahasiswa seharusnya melihat pembelajaran servis sebagai satu platform untuk membangunkan kemahiran-kemahiran insaniah yang boleh meningkatkan tahap kompetensi mereka di pasaran pekerjaan ataupun di tempat kerja bagi mahasiswa yang sudah mempunyai kerjaya sendiri.

Menurut Najib (2004), pendidikan di universiti berperanan untuk memaksimumkan bakat dan keupayaan seseorang mahasiswa. Oleh itu, pihak universiti perlu memperluaskan kaedah pedagogi pembelajaran servis ini agar diterima pakai oleh penasihat akademik atau pensyarah di dalam pengajaran mereka. Pihak universiti juga perlu mempromosi dan menyokong sebarang usaha untuk menganjurkan program pembelajaran servis agar mahasiswa mendapat manfaat secara maksimum dan berkesan daripada pengalaman pembelajaran mereka di sepanjang tempoh pengajian mereka. Berdasarkan kajian ini, Kementerian Pengajian Tinggi diharap dapat memperluaskan pendekatan pedagogi berbentuk pembelajaran servis ke semua institusi pengajian tinggi dan juga sekolah di seluruh negara kerana ia memberikan impak yang positif kepada pembangunan profesionalisme mahasiswa dan seterusnya membantu negara mencapai hasrat dalam mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah.

6.0 PENUTUP

Kajian ini telah dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual separa struktur yang dijalankan ke atas responden kajian untuk mengenal pasti manfaat pembelajaran servis kepada mahasiswa sarjana pendidikan di FSSH, UTM. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan manfaat pembelajaran servis telah dibincangkan dan telah menjadi asas panduan kepada kajian ini. Responden kajian kualitatif adalah dipilih secara persampelan bertujuan. Kajian ini telah berjaya mengenal pasti manfaat pembelajaran servis kepada mahasiswa sarjana pendidikan FSSH, UTM. Berdasarkan dapatan kajian, mahasiswa yang terlibat dalam penganjuran pembelajaran servis mendapat manfaat daripada tiga aspek utama iaitu pencapaian akademik, penglibatan sivik dan pembangunan peribadi.

Rujukan

- Amir Hasan Dawi. (2002). *Pentoeorian Sosiologi Dan Pendidikan: Edisi Kedua*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Ash, S. L. & Clayton, P. H. (2009). Generating, Deepening and Documenting Learning: The Power of Critical Reflection in Applied Learning. *Journal of Applied Learning in Higher Education* Vol. 1, Fall 2009 25-48.
- Billig, S. H. (2004) *Heads, Hearts, and Hands: The Research on K-12 Service-Learning in Growing to Greatness 2004: The State of Service-Learning Report*. St Paul, MN: National Youth Leadership Council.
- Boyle-Baise, M. & Langford, J. (2004). *There Are Children Here: Service Learning for Social Justice*.
- Chua Yan Piaw (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw Hill Education.
- Conway, J., Amel, E. L., & Gerwien, D. P. (2009). Teaching and Learning in the Social Context: A meta-analysis of Service-learning's Effects on Academic, Personal, Social, and Citizenship Outcomes. *Teaching of Psychology*, 36, 233–245.
- Kamuche, F. U. (2006). Service learning and student performance. *Academic Exchange Quarterly*. Fall, 2006, Vol. 10 Issue 3, p187.
- Lebeau, J. E. (2012). *Service Learning And Adult Students: Implications For Academic Achievement And Student-Faculty Interactions*. Dissertation and Thesis. Washington State University.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2004). *Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi*. Skudai. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Najah Nadiyah Amran, Maznah Ibrahim, Rosilah Hassan & Khaidzir Ismail. (2016). Pendekatan Service-Learning Dalam Kursus Kemahiran Insaniah: Transformasi Positif Pelajar Dalam Kalangan Pelajar UKM-UNPAD. (Service-Learning Approach in Soft Skill Course: Positive Transformation Amongst UKM-UNPAD Medical Students. *Jurnal Personalia Pelajar* 19
- Prentice, Mary. & Robinson, Gail. (2010). *Improving Student Learning Outcomes with Service Learning*. Washington, DC: American Association of Community Colleges.
- Santrock, J. (2008). *Educational psychology (3rd ed.)*. New York: Mc-Graw Hill.
- Sedlak, C. A., Doheny, M. O., Panthofer, N. & Anaya, E. (2003). Critical Thinking in Students' Service-Learning Experiences. *College Teaching*, Vol. 51, No. 3 (99-103).
- Sessa, V. I., Grabowski, S. & Shashidhar, A. (2013). Service-Learning Pedagogy, Civic Engagement and Academic Engagement: Multiple Bidirectional Relationships in College Freshmen. *International Journal of Research on Service-Learning and Community Engagement*. Vol 1(1).

- Sidek Mohd Noah. (2002). Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah Teori Dan Praktis. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Simons, L. & Cleary, B. (2006). The Influence of Service Learning on Students' Personal and Social Development. *College Teaching*, Vol. 54 (4), 307-319.
- Skinner, R. & Chapman, C. (1999). Service-Learning and Community Service in K– 12 Public Schools. National Center for Education Statistics.
- Steimel, S. J. (2013). Community Partners' Assessment of Service Learning in an Interpersonal and Small Group Communication Course, *Communication Teacher*. 27:4, 241-255, DOI: 10.1080/17404622.2013.798017.